

Terminal Satu LTSAAS diròboh

BH 17 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Bangunan Terminal Satu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang, dijangka dirobohkan dalam tempoh satu atau dua bulan lagi untuk membolehkan pembinaan kompleks pameran baru di lapangan terbang itu.

Menurut sumber, Malaysia Airports Sdn Bhd (MAB) merancang pembinaan sebuah pusat pameran antarabangsa yang baru, untuk menggantikan Terminal Satu yang dianggap terlalu kecil serta kurang sesuai.

Kompleks baru dimaksudkan bagaimana pun tidak dapat dipastikan sama dengan pameran per-

dagangan dan konvensyen, kompleks pameran aeroangkasa ataupun kompleks pameran terbuka.

Berikutan tindakan itu, katanya, beberapa acara antarabangsa yang dijadualkan berlangsung di kompleks berkenaan terpaksa dibatal atau dipindahkan ke lokasi lain.

Antara acara yang dijadualkan berlangsung ialah pameran Pengangkutan Udara 2000 pada November ini.

Mengesahkan langkah MAB itu, Pengarah Urusan HW Lima Sdn Bhd, Felix Thai, berkatasyarikatnya merancang menganjurkan pameran itu di kawasan Terminal Dua lapangan terbang ber-

kenaan.

"Bagaimanapun, kami akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pengangkutan berhubung penganjuran pameran itu, minggu depan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Ketika ini, Terminal Dua menempatkan ibu pejabat korporat MAB manakala Terminal Tiga LTSAAS adalah bagi penerbangan domestik. Selepas penutupan operasi penerbangannya, MAB menjadikan Terminal Satu sebagai sebuah Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa (ITEC).

Operasi penerbangan antara-

bangsa di LTSAAS dipindahkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mulai Julai 1998. Bagaimanapun, beberapa penerbangan domestik masih dikekalkan di Terminal Tiga.

Kelmarin, Pengerusi MAB, Tan Sri Basir Ismail dipetik sebagai berkata, beliau akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai rancangan pembangunan semula Terminal Satu LTSAAS.

"Apabila siap nanti, ia akan menjadi satu-satunya pusat pameran di dunia yang mampu menerima pendaratan sebuah B747," katanya.